

Bank Muamalat Malaysia Berhad Sumbang Kabin Pengeringan bagi Pemberdayaan Ekonomi Komuniti di Papar, Sabah

BERNAMA

5 August 2019



Bernama.com Pastikan Benar

AM+ EKONOMI+ POLITIK+ SUKAN+ RENCANA+ DUNIA+ WEBTV INFOGRAFIK ARKIB

LAMAN MIKRO : Perbankan & Kewangan | Kesihatan | Tenaga | Hartanah | Gaya Hidup

TERKINI / LATEST **Rakyat Malaysia Perlu Ada Kesedaran Sivik [3m ago]**

KPRJ FERNIAGAAN TERAS

MENERAJUI, MEREALISASI, MENSEJAHTERA

PEMINAAN PEMBANGUNAN KAWASAN PENGURUSAN ASSET & PASLUI DIGITAL KEAJUTERAAN SUKAN

Bank Muamalat Malaysia Berhad Sumbang Kabin Pengeringan Bagi Pemberdayaan Ekonomi Komuniti Di Papar, Sabah

Tarikh kemaskini: 05/08/2019



PAPAR, 5 Ogos (Bernama) -- Masyarakat nelayan Kampung Talun, Padang Bongawan di sini dijangka menerima rangsangan ekonomi dan pembangunan kapasiti melalui pelaksanaan projek kabin pengeringan yang dilaksanakan oleh Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) dengan kerjasama Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat).

Projek ini merupakan sebahagian daripada beberapa projek pembangunan kapasiti dan rangkuman kewangan yang dicetuskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Program Pemerksaan Komuniti (CEP) yang pada dasarnya merupakan program tanggungjawab sosial korporat. Melalui program ini, bantuan secara menyeluruh akan diberikan kepada komuniti sasaran dalam bentuk penyediaan infrastruktur komunal, di samping khidmat nasihat berkaitan pengurusan kewangan termasuk kepentingan menyimpan wang.